

**ISU-ISU YANG DITIMBULKAN  
DALAM KERTAS REPUBLIK SINGAPURA**

**1. PUNCA BERLAKUNYA SALAH TANGGAPAN TERHADAP ISLAM.**

Terdapat beberapa punca yang membawa kepada berlakunya salah tanggapan masyarakat terhadap Islam iaitu:

- a) Kesan daripada peristiwa Serangan ke atas Pusat Perdagangan Dunia (The World Trade Center) dan The Pentagon di Amerika Syarikat pada 11 September 2001.
- b) Isu-isu dalaman seperti penangkapan kumpulan militan Jemaah Islamiah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).
- c) Isu aurat (Tudung) di sekolah pemerintah yang kemudiannya dieksploitasi oleh sesetengah pihak.
- d) Sikap akhbar yang memberikan laporan yang kurang tepat mengenai Islam sehingga mempengaruhi pandangan masyarakat bukan Islam di Singapura terhadap Muslim dan agama Islam.

## **2. TINDAKAN-TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL BAGI MENGATASI SALAH TANGGAPAN TERHADAP ISLAM.**

Antara usaha pertama yang telah MUIS lakukan selepas peristiwa 11 September adalah mengeluarkan satu senarai yang mengandungi takrifan yang betul mengenai istilah-istilah Islam sebagai panduan bagi pihak media di dalam membuat laporan dan liputan mengenai kumpulan militan yang dianggotai oleh individu yang beragama Islam.

Ada lima inisiatif utama di dalam usaha MUIS bagi mengatasi masalah salah tanggapan terhadap Islam di Singapura.

Pertama, menyediakan senarai yang menjelaskan erti sebenar perkataan-perkataan yang sering digunakan oleh pihak media seperti jihad, syariah, ulama dan lain-lain lagi. Senarai ini juga turut menjelaskan bahawa istilah-istilah seperti Islam radikal, militan dan sebagainya tidak harus dikaitkan dengan perkataan 'Islam' kerana ia digunakan sebagai kata sifat untuk menyifatkan Islam sedangkan ia tidak sebenarnya sedemikian.

Dari itu, tindakan-tindakan pelampau agama atau kumpulan-kumpulan militan mesti dipisahkan dengan nama agama Islam, yang bererti keamanan dan penyerahan. Jika tidak, ia akan melarutkan salah tanggapan bahawa Islam menyebarkan keganasan dan kemusnahan, sesuatu yang semestinya bertentangan dengan mesej asalnya sebagai agama yang menyebarkan keamanan dan kedamaian.

Kedua adalah penubuhan Seksyen Pendidikan Awam pada tahun 2002 yang ditugaskan untuk menerangkan tentang Islam dan ajaran-ajarannya

yang sebenar kepada masyarakat lain di Singapura. Ini telah dilakukan menerusi sesi ceramah dan dialog dengan pelbagai pertubuhan akar umbi, agensi sosial dan institusi pendidikan. Lawatan Harmoni ke masjid –masjid juga telah diadakan. Pada tahun lalu (2002), MUIS telah menganjurkan hampir sembilan puluh ceramah mengenai Memahami Islam dan lebih dari 12,000 anggota masyarakat bukan Islam telah mendapat manfaat melalui ceramah-ceramah ini.

Ketiga, MUIS juga turut melancarkan Direktori Asatizah secara ‘online’ untuk memudahkan masyarakat Islam Singapura menyemak latar belakang Asatizah demi mengelakkan perkembangan ajaran yang kurang tepat serta menyimpang dari disebarkan.

Inisiatif keempat selanjutnya adalah peningkatan Program Pembangunan Intelpek. Di mana MUIS telah mengundang tokoh-tokoh Islam terkemuka dari merata dunia, untuk membincangkan mengenai Islam bukan sahaja dengan pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam tetapi juga dengan menyampaikan ceramah kepada masyarakat umum. Sebagai contoh, bulan lalu, MUIS telah berjaya membawa Dr Tariq Ramadan, seorang tokoh Islam yang terkenal di Barat ke Singapura.

Ceramah awam Dr Tariq telah mendapat liputan luas di dalam akhbar Inggeris di mana antara lain, beliau telah menekankan bahawa seorang Muslim yang baik semestinya menjadi seorang warga negara yang baik – tiada percanggahan di antara dua identiti ini. Ceramah yang disampaikan oleh Dr Tariq telah berjaya membantu masyarakat Islam Singapura di dalam usaha untuk menerangkan risalah Islam sebagai ‘rahmatul-alamin’ – yang sesuai untuk setiap zaman.

Kelima, MUIS juga turut menerbitkan sebuah cakera padat atau CD-ROM 'Muslim di Singapura: Kepercayaan dan Amalan) sebagai satu sumber rujukan bagi masyarakat bukan Islam mengenai Islam dalam menyebarkan erti-kata Islam yang sebenar kepada masyarakat lain. CD ini telah mendapat sambutan yang baik, seperti kata tetamu kehormat pelancaran CD-ROM tersebut, Menteri Negara (Kesihatan merangkap Pengangkutan), Dr Balaji Sadasivan, "Menentang kejahilan adalah satu proses yang berterusan. Melalui CD ini, anda telah tolong mengajar orang bukan Islam tentang orang Islam dan membina pertalian di antara orang Islam dengan masyarakat lain di Singapura."

### **3. KESAN ATAU HASIL YANG DIPEROLEHI SELEPAS TINDAKAN DIAMBIL.**

Secara keseluruhan, natijah dari usaha-usaha yang diambil oleh MUIS adalah untuk meningkatnya minat masyarakat lain di dalam memahami ajaran Islam yang sebenarnya.

Namun demikian, tidak dinafikan bahawa sejurus selepas kedua-dua penangkapan anggota JI, ada segelintir dari masyarakat Singapura yang melihat jiran dan rakan kerja mereka yang beragama Islam dengan lensa media yang membuat laporan harian mengenai kegiatan kumpulan-kumpulan radikal dan militan seperti rangkaian Al-Qaeda.

Tetapi Alhamdulillah, dengan usaha MUIS bersama pertubuhan-pertubuhan setempat, masyarakat Islam Singapura dan kerjasama pihak media dalam menangani cabaran salah tanggapan Islam ini, ianya telah dapat meyakinkan di dalam hati dan minda masyarakat Singapura baik yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam tentang hakikat penting iaitu, tiada ideologi keganasan di dalam ajaran Islam.

Tambahan pula, pengakuan seorang anggota JI semasa memberi keterangan di perbincangan Abu Bakar Ba'asyir kelmarin, "Dalam kami memperjuangkan Islam, kadang-kadang kami melakukan kesilapan kerana kami mungkin gagal melihat Rasulullah sebagai contoh kami. Kami akui kesilapan kami (membuat agama Islam ini seolah-olah dilihat sebagai satu agama yang ganas) dan kami kembali ke jalan yang betul".

Kedua, pengecaman dan penolakan masyarakat Islam setempat menentang ideologi dan kegiatan kumpulan JI juga telah memelihara hubungan baik di antara kaum di Singapura lantas mengelakkan jalinan sosial negara dari terjejas akibat pendedahan komplot JI itu. Sekali lagi,

peranan akhbar Cina Lianhe Zaobao di dalam menyampaikan suara sebenar majoriti masyarakat Islam serta usahanya untuk mendekati masyarakat lain harus diberi pengiktirafan.

Ketiga, dengan mengadakan Lawatan Harmoni serta rumah terbuka di masjid-masjid, masyarakat Singapura yang lain dapat melihat sendiri kegiatan-kegiatan ibadah dan sosial yang dijalankan sambil menyakinkan mereka bahawa tiada apa yang hendak disembunyikan oleh orang-orang Islam di sini.

Demikianlah pengalaman masyarakat Islam Singapura menghadapi dan menangani cabaran-cabaran getir menyusul episod 11 September untuk menjadi perkongsian bersama bagi umat Islam lainnya dalam melakarkan strategi yang sesuai dengan sekitaran masing-masing demi mengembalikan kemurnian dan kesucian Islam.

**OOOO**